

BAB 1

PENYATUAN SEMENANJUNG KOREA: USAHA, CABARAN DAN PROSPEK

1.1 PENGENALAN

Tamatnya Perang Dingin yang membawa kepada pertentangan ideologi Demokrasi-Sosialis memberi kesan yang amat besar kepada hubungan Timur-Barat. Ia menandakan aspek ideologi tidak lagi dominan dalam menentukan hubungan antara negara di pentas antarabangsa. Namun, keadaan ini berbeza dengan hal yang berlaku di Semenanjung Korea kerana ideologi masih menjadi perkiraan dalam hubungan Korea Utara dan Selatan. Oleh itu, pengkaji merasakan adalah perlu untuk melihat usaha-usaha penyatuan yang dilakukan oleh pihak-pihak terbabit dan menganalisa harapan ke arah penyatuan kedua-dua negara ini.

1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting untuk melihat realiti hubungan kedua-dua buah negara ini terutamanya yang menyentuh aspek penyatuan. Kita sering mendapat gambaran kebaikan *Republic Of Korea* (ROK) dan keburukan *Democratic People's Republic of Korea* (DPRK). Diharapkan kajian ini akan memberi gambaran yang jelas tentang pendirian dan sikap kedua-dua negara ini ke arah penyatuan. Dalam kajian ini, pengkaji adalah bersifat neutral tanpa memihak kepada mana-mana negara.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Isu penyatuan merupakan isu yang utama apabila membincangkan hubungan ROK-DPRK. Namun konsep penyatuan itu mempunyai pengertian yang pelbagai dan

agak samar. Ini menyukarkan penerimaan sesuatu konsep atau idea mengenai penyatuan. Oleh itu, kajian ini akan melihat konsep ini secara terperinci daripada kedua-dua belah pihak dan seterusnya menilai sejauh mana cabaran dan harapan ke arah penyatuan itu wujud dalam konteks hubungan DPRK-ROK seperti yang berlaku hari ini.

Selain itu, beberapa isu lain juga mempengaruhi hubungan dan usaha penyatuan seperti isu nuklear, ekonomi, DMZ, pembangunan tentera dan lain-lain juga penting dalam hubungan ROK-DPRK. Misalnya, DPRK sering dilabel sebagai negara penganas dan melanggar peraturan antarabangsa. Namun, adakah ini benar kerana di masa yang sama, ROK dan Amerika Syarikat juga menjalankan aktiviti-aktiviti ini.

1.4 MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat utama kajian ini adalah untuk melihat cadangan dan formula yang dikemukakan oleh kedua-dua negara ini serta kuasa besar ke arah penyatuan.

Selain itu terdapat beberapa objektif dalam kajian ini, antaranya:-

- a) Melihat faktor penggalak dan halangan yang menyukarkan proses penyatuan.
- b) Melihat peranan kuasa luar seperti Amerika, China, Russia dan Jepun dalam mempengaruhi keadaan di kedua-dua negara ini.
- c) Melihat prospek dan cabaran penyatuan pada masa ini dan masa akan datang.

1.5 METODOLOGI KAJIAN

Secara keseluruhannya pengkaji akan menggunakan dua sumber utama dalam kajian ini iaitu sumber primer dan sumber sekunder seperti temuramah, ucapan, surat khabar, berita, perpustakaan, majalah, laporan, dan sebagainya.

1.6 LIMITASI KAJIAN

Pengkaji menghadapi beberapa halangan dalam kajian ini antaranya artikel dan buku yang ditulis dalam bahasa Korea, kesukaran mendapatkan buku yang menjurus kepada tajuk dan masa. Semasa menjalankan kajian, pengkaji mendapatkan maklumat dari Perpustakaan UM, UMS, Negara, MINDEF, ISIS, *Abraham Lincoln Resource Centre*, IDS (Sabah), Kedutaan DPRK dan lain-lain bagi mendapatkan bahan.

1.7 PERBINCANGAN TEORITIS

Konsep kuasa merupakan asas utama dan matlamat akhir sesebuah negara. Oleh itu, pendekatan Realist merupakan cara paling sesuai menjelaskan keadaan di Semenanjung ini. Menurut beberapa sarjana aliran ini seperti Waltz, Hedley Bull dan Morgenthau, tindakan negara hanya untuk mencapai *National Interest*. Menurut Morgenthau '*politik adalah perebutan kuasa*' di mana '*kuasa*' adalah matlamat utama sesebuah negara.¹ Kuasa akan dicapai dengan apa cara sekalipun dan negara hanya berfungsi untuk mendapat dan mengekalkan kuasa. Ini menjadikan pola interaksi antara negara berbentuk imbangan kuasa. Morgenthau meletakkan enam prinsip asas Realisme dan salah satu daripadanya ialah konsep *National Interest*.

National Interest umumnya merujuk kepada suatu yang dihargai samada bersifat fizikal dan psikologi oleh penduduk atau kumpulan dalam sesebuah negara. Walaupun mereka mempunyai kepentingan tersendiri, namun mereka berkongsi '*a common set of values*' iaitu melebihi melebihi kepentingan lain. Nilai yang dikongsi dan dipertahankan oleh negara-bangsa inilah dipanggil *National Interest*. Namun konsep ini berbeza antara

¹ Hans J. Morgenthau, *Politics Among Nations*, 5th ed. Knopf, New York, 1978, hal. 25.

satu negara dengan negara lain kerana persekitaran dan masalah yang berbeza dan tidak menghairankan setiap negara mempunyai tafsiran tersendiri mengenai konsep ini.²

Secara kasarnya *National Interest* dapat dibahagikan kepada 2 iaitu *Core Values* iaitu perkara paling asas dalam sesebuah negara seperti keutuhan wilayah dan prestij. Kedua *Secondary Interest*, melibatkan kepentingan kumpulan dan individu negara tersebut tetapi mereka biasanya tidak bersedia berperang bagi mencapai matlamat ini.³ Machiavelli juga menekankan kepada konsep ini di mana ia melebihi kepentingan lain dan perlunya peperangan sekiranya perlu. Beliau menyebut ‘...do not subject your population to war unless it is absolutely necessary’.⁴

Pemilihan konsep ini kerana segala tindakan negara dapat dijelaskan melaluinya. Dalam isu Korea, konsep ini memainkan peranan penting dan perlu diperhalusi bagi mendapatkan jawapan yang sesuai ke atas pola hubungan kedua-dua negara ini. Namun pengkaji juga mengakui pendekatan ‘*Balance of Power*’⁵ juga dapat menjelaskan keadaan ini. Namun pengkaji tidak membincangkannya secara terperinci kerana konsep *national interest* lebih dominan dalam konteks hubungan dan tingkah laku kedua-dua negara ini.

1.8 HIPOTESIS KAJIAN

I) Perlakuan kedua-dua negara ini dipengaruhi oleh faktor *National Interest*

Tindakan dan perlakuan kedua-dua negara ini banyak dipengaruhi oleh faktor *national interest*. Perlakuan yang dimaksudkan adalah segala tindakan, cadangan ke arah penyatuan, keengganan penerimaan idea dari satu pihak adalah kerana faktor ini.

² Lihat National Interest dalam Frankel, Joseph, *IR in Changing World*, Oxford University Press, 1988.

³ Frederick H. Hartmann, *The Relations of Nations*, (5th Edition), Macmillan, 1979, hal. 8.

⁴ Robert H. Jackson, *The Political Theory of International Society* (Edt. Ken Booth and Steve Smith, International Relation Theory), Cambridge, Polity Press, 1996, hal 117.

II) Faktor domestik, antarabangsa dan peranan kuasa besar mempengaruhi proses penyatuan. Namun Penyatuan oleh kedua-duanya menggunakan faktor ekonomi sebagai petunjuk utama.

- (a). Semakin kukuh ekonomi DPRK, polisinya akan bersifat agresif dan jika ekonomi tidak stabil, polisi adalah pasif (dialog dan sebagainya). Tetapi jika ekonomi yang lemah di ROK, ini akan menyebabkan DPRK melaksanakan polisi yang keras, tetapi menjadi pasif sekiranya ekonomi ROK bertambah kukuh.
- (b). Ekonomi ROK yang lemah mendorong polisi agresif dan semakin kukuh ekonominya, ia menjalankan polisi penyatuan yang lebih lembut dan bersifat terbuka.

1.9 SOROTAN LITERATUR

Walter Boyne (1997), Gills (1996), Rajenderan (1990), Ryo Sung Chol (1995), Soh Jin Chull (2000), Robert Scalapino (1983) dan beberapa buku lain cuba membincangkan peranan Amerika, PBB, kedua-dua Korea dan kuasa-kuasa besar semasa berlakunya perang Korea 1950-1953. Ia juga menjelaskan bagaimana proses perpecahan yang membawa kepada pemisahan kedua-dua buah negara ini, pemerintahan tentera dan proses politik yang berlaku di kedua-dua buah negara tersebut.

Kil Joon-Sik (1972), Park Chung Hee (1976), Doo Hun-kim (1964), Kim Hak-Joon (1993), Chun Doo Hwan (1983), Goo Hoon Kwon (1997), Hak Joon Kim (1991), Roh Tae-woo (1989), Kang In-Duk (1999), Yong-Soon Yim (1988), *Peace and Cooperation: White Paper on Korean Unification* (1979, 1981 dan 1996), Park Kun Young (2000) dan beberapa buku lain cuba untuk melihat cadangan ROK ke arah

⁵ Lebih lanjut sila lihat Stephen M. Walt., *The Origin of Alliances*, Cornell University Press, 1987.

penyatuan. Ini melibatkan tahun-tahun awal selepas perpisahan Korea dan sehinggalah ke hari ini. Dengan menggunakan pendekatan-pendekatan yang berbeza samada menggunakan pendekatan politik, sosial atau ekonomi ianya telah ditetapkan dalam dasar seseorang pemimpin negara tersebut.

Joseph S. Chung (1983), Teruo Komaki (1988), Jongryn Mo (1997), Juhan Weiss (1989) dan beberapa buku lain cuba melihat polisi ekonomi yang dijalankan oleh DPRK selepas berakhirnya Perang Korea. Ia cuba melihat bagaimana DPRK bermula pada 1970an sehingga ke hari ini gagal dalam polisi ekonominya dan sebaliknya berlaku dengan ROK. Di samping itu ia juga cuba melihat bagaimana faktor ekonomi menjadi penimbang utama kepada kelangsungan dan penyatuan kedua-dua negara.

Jon Chol Nam (2000), Jong Ri Gun (1995), Kim Han Gil (1979), Kim Il Sung (1975a & 1975b), Kim Il Sung (1993), Kim Il Sung (1990), dan beberapa buku lain antara lainnya cuba menjelaskan pendirian dan usaha DPRK ke arah penyatuan. Di samping itu, ia juga melihat bagaimana peranan kuasa-kuasa besar menghalang kepada proses tersebut.

Qi Baoliang (2000), Lee Choon-Kunn (1999), Jon Chol Nam (2000), Bermudez (1999), Young Whan Kihl (1996), Hang Yul Rhee (1995), Kim Sung-han (1999), Andrew C. Nahm (1979) dan beberapa buku lain cuba menjelaskan tentang masalah-masalah dan beberapa isu penting yang berkait dengan konflik yang berlaku di Semenanjung Korea. Di samping itu, ia juga cuba melihat kepada konflik, perdamaian dan keberangkalian untuk perang serta pembangunan ketenteraan yang berlaku di rantau ini.

1.10 ORGANISASI BAB.

Kajian ini dibahagikan kepada 7 bab di mana Bab 1 ialah pengenalan dan pernyataan secara umum kajian ini.

Pada bab 2 pula melihat geografi, latar belakang dan sejarah pembahagian Korea yang membawa kepada perpecahan Korea.

Bab 3 melihat kesan pembahagian Korea ke atas ideologi, sosio-ekonomi dan proses penyatuan. Pengkaji akan membincangkan isu penting yang melibatkan konflik, perdamaian dan keamanan dalam hubungan kedua-dua buah negara ini.

Bab 4 melihat inisiatif pihak yang terlibat dalam isu ini semasa Perang Dingin. Pengkaji melihat cadangan ini dari 2 perspektif iaitu Utara dan Selatan berdasarkan pembahagian tahun mengikut zaman pemerintahan seseorang presiden.

Pada Bab 5, pengkaji akan melihat keadaan yang sama seperti Bab 3, namun skop kajiannya adalah selepas tamatnya Perang Dingin sehingga kini.

Pada bab 6, melihat prospek penyatuan dan halangan penyatuan. Pada Bab 7 pengkaji akan membuat satu rumusan secara keseluruhannya di samping membuat satu analisa mengenai keadaan di Semenanjung ini.

1.11 KESIMPULAN

Kajian mengenai penyatuan Semenanjung Korea merupakan satu kajian yang amat perlu terutamanya selepas tamatnya Perang Dingin. Oleh itu, adalah diharapkan agar kajian ini kelak akan memberi gambaran sebenar yang berlaku di Semenanjung Korea tanpa memberatkan penilaian kita kepada satu-satu pihak dalam usaha membawa penyatuan di negara tersebut.